


سَمبوتن هاري بليا كبڤساان

SAMBUTAN
HARI BELIA KEBANGSAAN
KE-16, TAHUN 2021

BELIA SIAGA MASA DEPAN



27 Zulhijjah 1442
7 Ogos 2021

Pusat Persidangan
Antarabangsa,
Berakas



بلیا کیت ماس دقن کیت

Our Youth Our Future



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA
KEBANGSAAN KALI KE-14

PADA HARI RABU
2 ZULKAEDAH 1440
3 OGOS 2019

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur, kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana atas izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul menghadiri Perhimpunan Hari Belia kali ke-14 pada pagi ini.

Di masa akhir-akhir ini, Beta turut berbesar hati atas komitmen tinggi para belia terhadap pembangunan negara. Ini bukan sahaja melalui pelbagai penglibatan dan inisiatif, bahkan juga turut menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar-dasar Kerajaan, seperti melalui Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan rebiu Dasar Belia Negara.

Juga semakin menonjol, para belia sekarang sudah turut meminati bidang pertanian dan agri makanan, sebagai satu pilihan perusahaan.

Ini sangatlah bagus, kerana bidang pertanian berpotensi untuk dikembangkan, lebih-lebih lagi sesuai dengan keupayaan para belia untuk menggunakan kaedah-kaedah baru, yang dilihat mungkin mudah untuk meningkatkan produktiviti dan sekaligus menembusi pasaran luar negara.

Para belia berhak untuk menerima ucapan syabas kerana menahut cabaran menyertai Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan berskala besar.

Beta yakin, ini boleh membawa perubahan signifikan kepada kehidupan kita pada masa kini dan akan datang. Para Belia, dengan didorong oleh kepesatan teknologi, tidak akan berundur ke belakang meninggalkan bidang-bidang yang menjadi favorite, seperti kesenian dan kreatif. Mereka akan terus meneroka pelbagai produk untuk dikembangkan.

Ini semua adalah pelaburan yang perlu diperkasa. Para belia wajar tampil ke hadapan untuk memainkan peranan. Mereka tidak boleh jumud (beku), tetapi mustahak untuk aktif dan dinamik sepanjang masa.

Kerajaan Beta sangat prihatin, supaya para belia jangan hanya duduk-duduk atau asyik berseronok sahaja, tetapi paculah semangat untuk menjiwai usaha-usaha yang berkebakikan. Sebagai contoh dari keprihatinan ini, Kerajaan Beta telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia. Jawatankuasa ini khusus sebagai pemudah cara bagi para belia memulakan perniagaan dan perusahaan, sehingga dengan itu, akan memungkinkan mereka benar-benar berdaya saing membina diri dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan negara.

Para belia kita tidak lagi terkurung dalam kekosongan, tetapi telah muncul membawa idea-idea baru untuk kehidupan. Maka sehubungan ini, Kerajaan Beta telah mengambil langkah menyediakan beberapa program keusahawanan untuk direbut oleh mereka.

Pada tahun lepas, kita telahpun menyediakan 60 kontrak, dimana 10 daripadanya telah dianugerahkan kepada pengusaha-pengusaha belia, sedang sasaran kita sehingga akhir tahun 2021 adalah sebanyak 200 kontrak.

Kita tidak mahu untuk hanya jadi penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing sehingga ke arena global. Namun persaingan, bukanlah dengan tangan kosong, tetapi dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Tanpa ilmu, pengalaman dan kemahiran, tidak akan ada apa-apa yang boleh dihasilkan.

Beta percaya, para belia kita adalah mampu untuk memenuhi ciri-ciri berilmu, berpengalaman dan berkemahiran.

Untuk akhirnya, bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan ini, Beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KATA ALU-ALUAN

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله
وصحبه أجمعين



Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah subhanhu wataala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Negara Brunei Darussalam sekali lagi dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-16 pada 27 Zulhijjah 1442 bersamaan 7 Ogos 2021. Walaupun negara kita masih lagi berdepan dengan bencana COVID-19, namun ia tidak mematahkan semangat kita untuk terus menyemarakkan sambutan ini, sambutan yang mengiktiraf keberadaan dan kepentingan golongan belia untuk sama-sama memacu perkembangan negara.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021 menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis ini dan seterusnya mengurniakan titah serta menyempurnakan pengurniaan anugerah. Keberangkatan Baginda menunjukkan betapa tingginya sifat keprihatinan dan pemedulian Baginda terhadap golongan belia di negara ini yang sekali gus mencerminkan kasih sayang Baginda terhadap generasi pelapis yang akan menjadi peneraju negara pada masa akan datang.

Tema sambutan pada tahun ini masih mengekalkan tema pada sambutan yang lepas, iaitu "Belia Siaga Masa Depan". Tema ini dilihat masih lagi relevan dengan perkembangan dunia pada masa ini yang memerlukan kita, khususnya golongan belia agar sentiasa bersiap siaga menghadapi apa saja tantangan yang datang. Hal ini juga bertepatan dengan visi Dasar Belia Negara yang antara lain ingin melihat generasi belia yang sentiasa membuat persediaan dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran demi mendepani perubahan, serentak memanfaatkan peluang-peluang yang tercetus daripada Revolusi Industri Ke-4 dan ekonomi digital.

Selari dengan transformasi landskap ekonomi global dan negara, tema Belia Siaga Masa Depan juga ialah manifestasi kepada kemampuan belia untuk menyesuaikan diri dengan kompetensi dan perubahan persekitaran supaya tetap relevan dan berdaya saing. Konotasi tema juga memperlihatkan kemampuan golongan ini dalam menyelesaikan masalah yang kompleks, membentuk dan memimpin pasukan, memiliki landasan dalam bidang

teknologi serta analisis data yang kritikal dalam membuat keputusan yang tepat dan cepat.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021 akan mengetengahkan “wajah-wajah kejayaan” dalam golongan belia Brunei. Merekalah antara individu yang membuktikan kebolehan belia Brunei yang sebenar, yang mengorak langkah jauh ke depan dan mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Justeru, sambutan pada kali ini menumpukan kepada elemen yang telah ditonjolkan oleh golongan belia selama ini, iaitu kepimpinan, teknologi digital, keusahawanan, kesukarelawan dan industri kreatif. Sambutan pada tahun ini juga turut diisikan dengan pelbagai aktiviti menarik yang dapat memberi manfaat golongan belia, termasuk Pameran Hari Belia yang mempamerkan belia-belia yang melakar kejayaan dalam bidang-bidang terpilih. Dalam masa yang sama, Konvensyen Belia Brunei juga akan diadakan untuk mengutarakan topik-topik semasa yang turut melibatkan Menteri-Menteri Kabinet, panel-panel profesional, para usahawan dan pakar-pakar teknologi digital dari dalam dan luar negara. Kedua-dua inisiatif ini akan diadakan selama tiga hari.

Alhamdulillah, sepertimana jua sambutan pada tahun-tahun sebelum ini, sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021, sebanyak empat kategori akan dianugerahkan yang terdiri daripada Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan kategori Projek Cemerlang Untuk Belia. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima dan saya penuh berharap agar penerima-penerima anugerah ini akan terus aktif mencurahkan bakti demi kelangsungan transformasi Negara Brunei Darussalam. Golongan belia merupakan agen perubahan yang akan memangkin transformasi masyarakat dan memacu pembangunan negara dalam sama-sama mencapai matlamat Wawasan 2035.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021, Ahli Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2021 dan rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang terdiri daripada Kementerian Tenaga, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga rakan-rakan belia yang berkenaan termasuk Tim Kreatif. Semoga segala usaha yang dilaksanakan dalam menjayakan sambutan ini akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah subhanahu wa taala jua.

MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021

IKRAR BELIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Bersyukur
Kehadrat Allah Subhanahu Wa Taala
Kami Belia
Negara Brunei Darussalam
Berikrar
Taat Kepada Allah
Setia Kepada Raja
Cinta Kepada Negara
Mendukung Kepimpinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Mempertahankan Kedaulatan
Negara Brunei Darussalam
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja
Mematuhi Perlembagaan Negara
dan Undang-Undang
Berakhlak Mulia dan Terpuji

PEMBACA UTAMA

AWANG MUHAMMAD YUSOF BIN HAJI ABDUL MAJID

Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II

- Ketua Bahagian Pemulihan, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA).
- Lepas graduan Diploma Tertinggi dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di Institut Teknologi Brunei (ITB); Sarjana Muda dalam jurusan Psikologi dan Pengajian Islam di Universiti Islam Malaysia; dan Sarjana dalam bidang *Organisational Psychology & Business* di Aston Universiti, Birmingham, United Kingdom.
- Aktif menyampaikan dan mengongsikan isu-isu berkaitan COVID-19 dari sudut agama dengan pengisian-pengisian rohani melalui kuliah dan media sosial serta beberapa jemputan ceramah mengenai COVID-19 melalui dalam talian.
- Sering kali dijemput oleh persatuan-persatuan pelajar, institusi pengajian tinggi, agensi-agensi kerajaan serta swasta dan masjid-masjid untuk menyampaikan ceramah motivasi serta keagamaan.
- Antara 15 pemimpin belia Brunei yang mengikuti Singapore-Brunei Young Leadership Exchange Program (SBYLEP) di Singapura.



PENGIRING 1

AWANG HAJI ABDUL MATEEN BOLKINI BIN HAJI AHMAD

Pengusaha Tambang.BN

- Berkelulusan BA (Hons) dalam *Geography and Development* dari Universiti Brunei Darussalam.
- Pengasas dan pengurus sosial enterprise Tambang.BN
- Pengasas bagi syarikat penghasilan video Matters of Choice.
- Ahli bagi kumpulan Dasar Belia Negara dan Strategi.
- Ketua Belia Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong.
- Mewakili negara dalam beberapa program seperti ASEAN University Student Assembly, Thailand 2015, International Youth Congress, Hongkong 2017, Digi Engage Conference, Australia 2018, ASEAN Youth Leader Preparatory Meeting 2019 dan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-46, Tahun 2019.

PENGIRING 2

NURHANI BASIRAH BINTI HAJI CHIPLI

Mahasiswi Sarjana dalam Bidang Halal Sains dan Pengurusan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali

- Graduan Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Undang-Undang.
- Mewakili Negara Brunei Darussalam dan mendapat tempat ketiga Akademi Sahur Asia (Aksi Asia) Musim ke-3 di Indonesia dan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) ke-46, 2019.
- Ahli Biro Seni dan Kebudayaan, Kelab Komuniti Belia Transformasi.
- Aktif sebagai seorang Guru Kokurikulum pada hujung minggu bagi memanfaatkan waktu lapang yang ada dan seterusnya berkhidmat bagi menyampaikan ilmu kepada belia generasi penerus di Pondok Al-Quran Nurul Alim, Kampung Bunut.



ATUR CARA

- 8.00 pagi - Jemputan hadir
- 8.30 pagi - Pembesar-pembesar Negara hadir
- 9.00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja
- Lagu Kebangsaan
 - Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - Sembah Alu-aluan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021
 - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Ikrar Belia
 - Tayangan Video dan persembahan Lagu Patriotik Belia
 - Pengumuman "Penerima Anugerah-Anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi tahun 2020 dan tahun 2021"
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menyempurnakan Pengurniaan Anugerah-Anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi tahun 2020 dan tahun 2021
 - Lagu Kebangsaan

ATUR CARA

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung berangkat untuk menyaksikan Pameran di Ruang Legar
- Pelancaran Aplikasi Sukarelawan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima Pesambah
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi Majlis Santap
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi sesi bergambar kenangan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis
- Majlis bersurai

HURAIAN TEMA

BELIA SIAGA MASA DEPAN

Belia menjadi tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada Peranan belia begitu penting sebagai pemacu kemajuan pembangunan negara pada masa depan. Kemampuan belia menuju masa depan amat berkait rapat dengan mempersiapkan belia dengan “acuan” yang berkualiti dan mampu mendepani pelbagai cabaran yang sukar diramalkan dengan cara yang bijak dan berwibawa. Belia masa depan itu ialah belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian; tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang.

Belia Siaga Masa Depan ialah belia bertaraf dunia sebagai agen perubahan yang siap siaga untuk masa depan bagi pembangunan negara yang berakarumbikan keinklusifan. Dalam mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang dinamik, mapan dan inklusif kepada individu adalah dengan melibatkan diri dalam pembentukan dasar membuat keputusan, mencapai kecemerlangan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mengukuhkan nilai-nilai teras kebruneian yang positif.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab secara bersepadu antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam atau Non-Governmental Organisation (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara. Mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bagi melahirkan aset negara yang bertanggungjawab. Adalah penting untuk agensi berkepentingan memperkasa dan mempersiapkan belia, membangun kapasiti dan terlibat sama belia.

LIRIK LAGU

LAGU SUMPAH BELIA

Verse 1

Inilah Barisan Belia
Menuju Kejayaan
Memupuk Cinta Setia Pada Negara
Itulah Hasrat Utama Kita...

Verse 2

Bersatu Membangun Negara
Pupuk Semangat Kerja
Hidup Bermasyarakat Rukun dan Damai
Cintakan Perpaduan

Chorus

Bersama Kita Melangkah Ke Hadapan
Untuk Mencapai Kejayaan
Sifat Amanah Harus Diamalkan
Moga Tercapai Tujuan...

Verse 3

Inilah Belia Harapan
Menuju Kebahagiaan
Semai Rasa Kasih Sesama Manusia
Itulah Cita-cita Mulia

Verse 4

Bersatu Membangun Negara
Setia Berkorban Jiwa
Demi Bangsa dan Negara Yang Tercinta
Itulah Sumpah Kita

Lirik dan Muzik:
Mahadi HMS

TROFI ANUGERAH



PERLAMBAKAN TROFI

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diguna pakai mulai tahun 2016 merupakan arca moden (*modern sculpture*) yang menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (*base*) trofi ini ialah bentuk bahtera berlayar yang menggambarkan para belia yang menyedari peranan, dan tetap bersemangat menyahut seruan untuk membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Perlambanan reka bentuk trofi ini termasuk:



Belia ialah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).

Abjad 6 melambangkan 6 Bidang Strategi Dasar Belia Negara, iaitu Pendidikan Perkembangan Diri; Pekerjaan dan Latihan; Kepimpinan; Daya Usaha; Persefahaman Antarabangsa; dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan Negara dengannya dalam menjulang ketahanan dan keutuhan.

Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei ialah lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei, dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.



Bahtera memerlukan kemudi dan pandu arah agar dapat belayar menuju ke destinasi. Begitu juga dengan belia, memerlukan Polisi dan Hala Tuju bagi memastikan mereka menyambung atau memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.



KATEGORI ANUGERAH

BELIA CEMERLANG

diberikan kepada belia yang berjaya dalam bidang masing-masing yang pada utamanya mengharumkan nama negara

BELIA BERKHIDMAT

diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara atau orang lain

PEMIMPIN MUDA BELIA

diberikan kepada pemimpin muda belia yang cemerlang menggembelng orang-orang bawahan kepada kebaikan

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

diberikan kepada projek yang banyak memanfaatkan belia

TAHUN

2020



CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

BELIA CEMERLANG

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Irwan bin Nordin @ Rino	Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera
2	Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak	Al-Minhaaj Centre
3	Awang Mohd. Amdillah bin Haji Dayman	Program Belia Cinta Tanah Air
4	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/ Young Professionals Network
5	Awang Md. Mirwan bin Md. Ismail	Mirwan Burger Enterprise
6	Awang Abdul Khabir bin Zainidi	Brurealism Pictures
7	Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah	Bank Islam Brunei Darussalam
8	Awang Abdul 'Azim bin Haji Mohammad	
9	Awang Abdul Malik bin Haji Omar	Brunei Enterprise
10	Awang Mohamad Kamarul Fae'zal bin Haji A. Murni	Super Squad
11	Dr. Awang Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
12	Awang Mohammad Amirol bin Abdul Rahim	Persatuan Bulan Sabit Merah
13	Awangku Mohammad Hisyam Al-Yura bin Pengiran Haji Zainal Abidin	Brunei Students Union (BS Union)
14	Awang Muhammad Fadli bin Haji Awang Zaini	DARE
15	Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin	Brunei Darussalam AIDS Council/ Bina Ukhwah/ FEED/ MINDA/ YSHHB/ Young Professionals Network
16	Awang Haji Mohammad Loqman Al- Hakim bin Haji Hamdan	Al-Huffaz Management
17	Awang Mohd. Adi Salihin bin Roslan	Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam
18	Dayang Hajah Helena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah	Ophthalmologist, RIPAS Hospital

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

BELIA CEMERLANG

19	Dayang Ang Anqi (Hong Anqi), Angie	Young Professionals Network/ Brunei Mentors for Entrepreneurs Network/ Southeast Asia Woman/ Obama Foundation
20	Dayang Nur Atiqah binti Raduan	SEALNet/ Advancement Network (Michigan State University Global Youth)
21	Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar	Kelab Komuniti Belia Transformasi
22	Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid	Big BWN Project/ Womennovation Brunei/ Brunei Young Entrepreneur Project/ Zero Waste Brunei/ Brunei Womenpreneur Network
23	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam/ Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya
24	Dayang Chong Chin Yee (Queenie)	Memori BN Ent/ Startup Brunei
25	Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim	AIZ Event Management/ Kelab Komuniti Belia Transformasi

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

BELIA BERKHIDMAT

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Abdul Malik bin Haji Omar	Brunei Enterprise
2	Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad	Tambang.BN/ Belia Masjid Hassanal Bolkiah/ Leadership and Strategic Planning, Guild of Graduate UBD/ Kumpulan Strategik Belia (DBNS)/ Young Professionals Network
3	Awang Haji Mohammad Loqman Al- Hakim bin Haji Hamdan	Al-Huffaz Management
4	Awang Haji Mohamad Paizzal bin Haji Piluk	Persekutuan Pengakap NBD/ BERSATU/ APPA
5	Awang Haji Muhammad Hamiduddin bin Haji Jamaludin	Kumpulan Belia Ashabul Haliim
6	Awang Irwan bin Nordin @ Rino	Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera
7	Awang Khairulnazihwa'ie bin Haji Zakeria	Syababul Iman
8	Awang Mohammad Amirol bin Abdul Rahim	Persatuan Bulan Sabit Merah
9	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/ Young Professionals Network
10	Awang Mohamad Hazrin bin Daud	Brunei Darussalam AIDS Council
11	Awang Muhammad Fakhri Marzuqi bin Marsal	Sukarelawan Belia
12	Awang Muhammad Haziq Hisyam bin Mohd. Zaki	Majlis Belia Brunei/ KESAN/Belia Masjid
13	Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut	Belia Masjid/ MPK Kg Long Mayan
14	Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah	Persekutuan Pengakap NBD
15	Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin	Brunei Darussalam AIDS Council/ Bina Ukhwah/ FEED/ MINDA/ YSHHB/ Young Professionals Network
16	Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim	AIZ Event Management/ Kelab Komuniti Belia Transformasi
17	Dayang Ang Anqi (Hong Anqi), Angie	Young Professionals Network/ Brunei Mentors for Entrepreneurs Network/ Southeast Asia Woman/ Obama Foundation

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

BELIA BERKHIDMAT

18	Dayang Hajah Nurul Izzati Khairunnisa binti Haji Embran	SCOT/ KESAN/ CAFÉ HOPPERS
19	Dayang Hajah Helena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah	Ophthalmologist, RIPAS Hospital
20	Dayang Liyana binti Salleh	Persekutuan Pengakap NBD
21	Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid	Big BWN Project/ Womennovation Brunei/ Brunei Young Entrepreneur Project/ Zero Waste Brunei/ Brunei Womenpreneur Network
22	Dayang Noorussa'adah binti Hassem @ Haji Zulazmi	Brunei-USA Association/ YSEALI
23	Dayang Nur Atiqah binti Raduan	SEALNet/ Advancement Network (Michigan State University Global Youth)
24	Dayang Nurfarahiyah binti Yahya	Kelab Komuniti Belia Transformasi/ Brunei Darussalam AIDS Council/ ADAMS
25	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam/ Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya
26	Dayang Nurul Izyan binti Anver	Majlis Belia Brunei/ Kelab Komuniti Belia Transformasi/ Persatuan Kikik Brunei/ Global Shappers
27	Dayang Nuruljannahwajihahafifah binti Armanshah	Belia Masjid Ash Shaliheen/ Bina Ukhwah
28	Dayang Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi	Brunei Darussalam AIDS Council
29	Dayang Siti Najihah Kamilah binti Latif	Brunei Darussalam AIDS Council/ Youth Against Slavery
30	Dayangku Nur Duratul Ain binti Pengiran Saripuddin	Majlis Belia Brunei/ Sukarelawan Belia / Persatuan BERSATU/ Brunei Darussalam Association of the Blind/ Young Professionals Network
31	Dayangku Nur Hayana binti Pengiran Haji Abdul Razak	Tarbiyah Global

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

PEMIMPIN MUDA BELIA

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Abdul Malik bin Haji Omar	Brunei Enterprise
2	Awang Haji Mohamad Paizzal bin Haji Piluk	Persekutuan Pengakap NBD/ BERSATU/ APPA
3	Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan	Al-Huffaz Management
4	Awang Mohammad Amirol bin Abdul Rahim	Persatuan Bulan Sabit Merah
5	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/ Young Professionals Network
6	Awang Mohd. Amdilah bin Haji Dayman	Program Belia Cinta Tanah Air
7	Awangku Mohammad Hisyam Al-Yura bin Pengiran Haji Zainal Abidin	Brunei Students Union (BS Union)
8	Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin	Brunei Darussalam AIDS Council/ Bina Ukhwah/ FEED/ MINDA/ YSHHB/ Young Professionals Network
9	Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim	AIZ Event Management/ Kelab Komuniti Belia Transformasi
10	Dayang Amal Afifah binti Ahmad	Tarbiyah Global
11	Dayang Ang Anqi (Hong Anqi), Angie	Young Professionals Network/ Brunei Mentors for Entrepreneurs Network/ Southeast Asia Woman/ Obama Foundation
12	Dayang Farrah Natashya binti Abdullah Awang Nordin	Program Belia Cinta Tanah Air
13	Dayang Herma Amezah binti Mohd. Hardy	Kelab Komuniti Belia Transformasi
14	Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar	
15	Dayang Liyana Imani binti Abdul Latif	Lilyimani Enterprise

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

PEMIMPIN MUDA BELIA

16	Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid	Big BWN Project/ Womennovation Brunei/ Brunei Young Entrepreneur Project/ Zero Waste Brunei/ Brunei Womenpreneur Network
17	Dayang Norsufieah binti Alias	Kelab Komuniti Belia Transformasi
18	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam/ Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya
19	Dayang Nuruljannahwajihahafifah binti Armanshah	Belia Masjid Ash Shaliheen/ Bina Ukhwah
20	Dayang Siti Hurul-ain Diyana binti Haji Abdul Majid @ Viena	Tarbiyah Global
21	Dayang Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi	Brunei Darussalam AIDS Council
22	Dayangku Nur Duratul Ain binti Pengiran Saripuddin	Majlis Belia Brunei/ Sukarelawan Belia / Persatuan BERSATU/ Brunei Darussalam Association of the Blind/ Young Professionals Network

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Bil	Nama Penyelaras	Nama Projek
1	Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid	Big BWN Project
2	Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan	Pengurusan Jenazah Ar-Razaq
3	Awang Md. Anwar bin Haji Mohammad	Social Kitchen
4	Dayang Normaibah binti Abdul Hamid	Lamin Warisan Culture Centre
5	Awang Abdul Malik bin Haji Omar	Projek Menulis Buku Keusahawanan "Triumph: Unleash Your Inner Entrepreneur"
6	Dayang Nurul Hidayah binti Haji Masir@ Hidayah Khairunnisa Bazilah	Covered by Annisa: Design With A Purpose
7	Awang Muhammad Muizzudin Asyur bin Awang Mat Jafar	Matters of Choice: Creative Changemakers
8	Awang Muhammad Akmal bin Haji Marsidi	Nadi Quran
9	Awang Muhammad Najib bin Haji Latif	AMG (Al-Muyassar)
10	Dayang Goh Chai Li	Maven's Hive
11	Awang Muhammad Harisuddin bin Mohd. Hosenal	Projek Burger Telor
12	Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim	Perkasa 1000 Wanita
13	Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim	Gerei Ramadhan Jalan Bendahara
14	Pengiran Norul Isharizza binti Pengiran Hashim	Charity Food Fest
15	Dayang Nur 'Alia Syazwani binti Haji Maidin	Al-Jiilul Faatih
16	Dayang Siti Rafeah binti Serbini	Tarbiyah Global
17	Awang Irwan bin Nordin @ Rino	Memperkasa Budaya Pantun Melalui Bermukun
18	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/ YPN
19	Awang Abdul Khabir bin Zainidi	Worm & The Widow 'Janda sama Ulot'

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2020

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

20	Awang Mohd. Shahrin bin Shahbudin	Taklimat Asas Pemanduan Berhemah 3K
2	Awang Mohammad Amirol bin Abdul Rahim	Lomboku
22	Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut	Masjid Tour
23	Awang Mohammad Nazirul Mui'z bin Rabu	Kelab Penyinar
24	Dayang Sarina binti Yahya	Jalinan Kasih; Berbagi Rezeki
25	Dayang Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi	HIV Awareness Programme For Peers and Youth (H.A.P.P.Y.)
26	Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar	Gema Irama, Jiwaku Seni, Jiwaku Kreatif, Irama Seni Tradisi, Irama Seni Tradisi Versi 2 Negara Brunei Darussalam & Indonesia
27	Awang Ahmad Syauqie bin Haji Satia	Youth Against Proverty 4

TAHUN 2021



CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2021

BELIA CEMERLANG

